

**Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012 Dikuat Kuasa Oktober Depan  
Bernama  
6 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012 akan dikuatkuasa mulai 1 Okt, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob Jumaat.

Beliau berkata peraturan itu, yang telah digubal dan diwartakan pada 30 Mac lepas, diletakkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dengan tujuan memastikan maklumat penting dimaklumkan kepada pengguna secara telus oleh peniaga selain membantu kedua-dua pihak memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing.

"Kementerian memperkenalkan peraturan jualan kredit bagi pembelian barang secara ansuran di mana ia merupakan satu mekanisme pengawalseliaan terhadap transaksi jualan kredit yang belum pernah dikawal selia oleh mana-mana kementerian mahu pun agensi.

"Kita juga memperuntuk masa enam bulan dari tempoh ia diwartakan supaya kementerian boleh menjalankan kempen kesedaran kepada pengguna dan memberi peluang kepada peniaga meneliti dokumen berkaitan," katanya pada sidang akhbar di Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sini, hari ini.

Jualan kredit merupakan kaedah jualan barangan menggunakan kemudahan kredit yang diberi oleh penjual yang melibatkan bayaran secara ansuran.

Kaedah itu bagaimanapun tidak melibatkan pembelian barangan yang dibuat bayaran penuh menggunakan kad kredit kerana transaksi telah dikawal selia oleh Bank Negara di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 selain ia tidak melibatkan transaksi perkhidmatan.

Ismail Sabri berkata peraturan itu turut menggariskan beberapa aspek penting dalam pelaksanaan transaksi jualan kredit termasuk penetapan maklumat penting yang perlu dimaklumkan peniaga kepada pengguna secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di dalam satu dokumen khusus sebelum perjanjian jualan ditandatangani.

"Dokumen perlu dijadikan sebahagian perjanjian jualan kredit dan antara maklumat yang terkandung di dalamnya ialah harga jualan tunai barangan, kadar faedah yang dikenakan, tempoh ansuran, amaun bayaran bulanan, jumlah harga barangan termasuk faedah serta caj sampingan," katanya.

Peraturan itu turut menggariskan keperluan yang perlu dipatuhi berkaitan faedah, dan caj sampingan, penyelesaian awal pembayaran, penyelesaian pertikaian alternatif sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran, penzahiran maklumat peribadi pembeli kepada pihak ketiga serta penyimpanan dan penyenggaraan rekod bayaran.

Meskipun ia tidak menetapkan format standard bagi jualan kredit, penjual atau pemberi kemudahan itu perlu memasukkan butiran berkaitan penamatan perjanjian, kesan

kemungkiran dan perundingan bagi penyelesaian antara peniaga dan pengguna sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat.

Ismail Sabri berkata sebelum ini tiada peraturan berhubung isu jualan kredit dan masalah timbul apabila banyak kes berlaku melibatkan pengguna dengan syarikat terlibat yang memerlukan pengguna merujuk kes mereka kepada tribunal (pengguna).

Justeru, katanya dengan berkuatkuasanya peraturan jualan kredit itu, industri jualan kredit yang terlibat akan mengambil langkah sewajarnya bagi memenuhi kehendak peraturan.

Pihak yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan penalti dengan denda tidak melebihi RM50,000 bagi kesalahan pertama, tidak lebih RM100,000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya atau dikenakan kompaun tidak melebihi 50 peratus daripada amaun denda maksimum.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657537>